

PM sifatkan lawatannya capai matlamat **Bawa mesej kepada Asean**

BH 11 AUG 1987

BH 11 AUG 1987
Oleh
BADRULHISHAM OTHMAN

SUBANG, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan lawatannya ke Russia bukan sahaja penting bagi Malaysia, tetapi juga untuk rantau Asean.

Katanya, hasil rundingan beliau dengan pemimpin Russia, Encik Mikhail Gorbachev, berjaya menemukan beberapa perkara baru yang boleh membantu ke arah penyelesaian masalah Kampuchea.

Beliau, yang pulang dari lawatan tiga minggu ke Eropah hari ini, akan menyampaikan beberapa butir lanjut rundingannya dengan Encik Gorbachev kepada pemimpin-pemimpin Asean di sidang kemuncak pertubuhan itu di Manila, Disember ini.

"Melalui rundingan dengan Encik Gorbachev dan pemimpin-pemimpin Russia yang lain, saya dapat memahami secara lebih jelas pandangan mereka yang saya anggap sebagai perkara baru yang perlu disampaikan kepada pemimpin Asean," katanya.

Katanya, beliau juga menimbulkan usaha perlucutan senjata tetapi pemimpin-pemimpin Russia tidak memberi pendirian yang jelas mengenai perkara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia juga menyokong pendirian Russia sebagai satu kuasa di Pasifik dan pandangannya perlu diambil kira oleh negara-negara lain di rantau ini.

Pada keseluruhannya, Perdana Menteri menganggap lawatannya ke Britain, Hungary dan Russia berjaya mencapai matlamatnya.

Pelaburan

"Di Britain dan Hungary kita mendapat kerjasama yang baik dari kerajaan dan pihak swasta. Russia juga menunjukkan minat terhadap usaha kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, usaha perlu dibuat bagi memperbaiki imbangan perdagangan dengan Russia yang ketika ini menguntungkan Malaysia.

Ketika di Britain beliau juga menjelaskan kelonggaran syarat pelaburan yang sengaja diburuk-burukkan oleh golongan yang tidak senang dengan hubungan baik di antara kedua-dua kerajaan

Tanpa menyebut siapakah golongan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka menabur fitnah bahawa negara kita tidak memenuhi janji kepada pelabur asing.

"Mereka menuduh kerajaan bercadang memiliknegarakan syarikat-syarikat. Kata mereka, selepas tamat tempoh lima tahun dasar perlonggaran syarat pelaburan, semua syarikat akan dimiliknegarakan. Saya sendiri tidak faham kenapa mereka sanggup berbuat demikian," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, semua tiga negara yang dilawatnya itu memberi sokongan penuh kepada usaha membanteras penyalahgunaan dadah.

"Mereka juga menyokong pemilihan Malaysia sebagai presiden Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah," tegasnya.

Menurutnya, kebanyakan pemimpin negara berkenaan menyokong langkah mengenakan hukuman mati ke atas pengedar dadah. Mereka berpendapat hanya hukuman berat sahaja dapat mengurangkan masalah pengedaran dadah.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali serta rombongannya tiba dengan pesawat Mas di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dari London jam 6.10 petang ini.

Kepulangan beliau turut disambut oleh ahli-ahli Kabinet dan pemimpin Barisan Nasional. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.